

**'Pelaksanaan agenda SDG 2030 perlu kerjasama semua pihak' - PM
AstroAwani
06 November 2019
Madiha Abdullah,**

KUALA LUMPUR: Dalam memenuhi agenda Matlamat Pembangunan Lestari seperti yang dianjurkan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Malaysia, seperti negara-negara lain, perlu terlebih dahulu menangani cabaran perubahan iklim yang menjadi salah satu isu utama dalam pelaksanaannya.

Pembangunan negara ini perlu diselaras secara seimbang dengan kelestarian alam sekitar, dengan cara memikirkan kepentingan perubahan iklim, degradasi alam sekitar dan penggunaan sumber alam dengan lebih bijak.

"Kebimbangan itu berkaitan bidang utama, iaitu degradasi sumber hutan, laut dan sumber air tawar, peningkatan kejadian hidro-meteorologi dan geomorfologi, kemerosotan keupayaan pengeluaran makanan dan sistem ekonomi yang dipacu oleh alam sekitar.

"Selain itu, perlu juga keutamaan pada isu-isu keadilan etika perubahan iklim seperti anjakan yang disebabkan oleh alam sekitar dan penghijrahan, kekurangan sumber rezeki dan keselamatan serta kesejahteraan daripada sektor masyarakat yang lebih terpinggir," kata Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad sewaktu menyampaikan ucap tama perasmian Sdang Kemuncak Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) 2030 di ibu negara, pada Rabu.

Tambah Tun Mahathir, biarpun kerajaan berusaha keras dalam memastikan SDG dapat dilaksanakan menjelang 2030, namun kerjasama semua pihak termasuk sektor swasta dan seluruh rakyat Malaysia diperlukan bagi memastikan kejayaannya.

Sidang kemuncak anjuran Kementerian Hal Ehwal Ekonomi dan PBB itu berjaya menarik lebih 2,000 peserta.

Ia bertujuan mengkaji semula kemajuan SDG di negara ini dan berkongsi amalan terbaik, menyediakan platform pelbagai pihak berkepentingan untuk mengenal pasti strategi dalam usaha untuk menangani isu kritikal utama.

Yang turut hadir, Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali; Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli Dr Xavier Jayakumar; Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof; Menteri Industri Utama, Teresa Kok Suh Sim serta Penyelaras Residen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Malaysia, Singapura dan Brunei, Stefan Priesner.

© 2019 AstroAwani Network Sdn. Bhd.

(535275-D) All Rights Reserved.

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/pelaksanaan-agenda-sdg-2030-perlu-kerjasama-semua-pihak-pm-221935>